

LAPORAN KES PENDAKWAAN

FGV Palm Industries Sdn. Bhd. (No. Pendaftaran: 199501030378 (359584-V)) (OKS) telah dituduh di Mahkamah Majistret Tapah, Perak kerana melakukan kesalahan di bawah peraturan 122 Peraturan-Peraturan Elektrik 1994 iaitu melanggar subperaturan 110(1) Peraturan-Peraturan yang sama iaitu gagal menyenggara dalam keadaan baik dan berfungsi pemasangan *Air Circuit Breaker* jenama Schneider model NW12HA nombor siri 4103114428 dan tidak mematuhi langkah-langkah awasan pada setiap masa sehingga menyebabkan bahaya iaitu kecederaan kepada Zamri bin Safiee. Pada 22 Mei 2026, OKS mengaku salah terhadap pertuduhan tersebut dan mahkamah telah menjatuhkan hukuman denda RM3800.00 gagal bayar (3) bulan penjara. OKS membayar denda tersebut.